

01 APR 1998

Umno-bahagian (Analisis berita)

ISU POLITIK WANG TETAP TIMBUL WALAUPUN DALAM KEGAWATAN EKONOMI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Rupanya orang politik tidak mengenal erti kegawatan ekonomi. Jika tidak, mustahil pelbagai aduan mengenai politik wang dibangkitkan semasa pemilihan bahagian Umno yang baru selesai.

Malahan, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menyoal-siasat beberapa anggota Umno di Selangor dan Kedah bersabit dakwaan berkenaan.

Ekoran itu, Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan Umno sanggup menyingkir mereka yang terbabit walaupun mempunyai kedudukan tinggi dalam parti.

"Kita bimbang orang akan benci dan jijik dengan Umno sekiranya terdapat amalan rasuah semasa pemilihan parti," katanya baru-baru ini semasa merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, yang diketuainya.

Dalam mengekang masalah itu, banyak cadangan telah dikemukakan yang menjurus kepada perlunya parti mengetatkan syarat-syarat bagi seseorang bertanding bagi jawatan pada peringkat bahagian.

Ini termasuklah menetapkan peratus pencalonan yang perlu diperolehinya serta menjadi anggota Umno selama tempoh tertentu sebelum layak bertanding bagi jawatan parti.

Sekarang seseorang hanya memerlukan sekurang-kurangnya dua pencalonan daripada cawangan sebagai pasport untuk merebut jawatan di peringkat bahagian.

Keadaan ini menimbulkan tanggapan bahawa mereka yang berduit boleh terus bertanding bagi sesuatu jawatan penting walaupun baru sangat menyertai parti.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik telah berkata kebanyakan laporan yang dikemukakan kepada jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti adalah disebabkan berlakunya pertandingan dalam parti. Ini termasuklah dakwaan berlakunya penggunaan wang dalam kempen merebut jawatan.

Ekoran laporan-laporan itu pelbagai tindakan telah diambil termasuk menggantung keanggotaan, melucut hak untuk bertanding dan memberi amaran keras terhadap mereka yang dilapor dan kepada yang membuat laporan sekiranya didapati tidak benar.

"Kalau melapor salah pun kita tak mahu juga, mereka yang melapor hanya untuk menyakiti orang lain...ini memburukkan suasana," katanya.

Dengan selesainya persidangan perwakilan bagi kesemua 165 bahagiannya, Umno akan mengalih pula perhatian kepada perhimpunan agung parti yang dijadualkan dari 19 hingga 21 Julai ini.

Banyak yang berjaya mengekalkan jawatan dan tidak kurang juga bahagian yang mendapat ketua baru seperti bahagian Pokok Sena dan Merbok, kedua-duanya di Kedah serta Muar dan Mersing di Johor.

Di samping itu, ada juga "personaliti" yang akan kembali semula sebagai anggota perwakilan Umno pada perhimpunan agung itu seperti bekas Menteri Kebajikan Masyarakat Datuk Shahrir Abdul Samad.

Shahrir kini mengetuai semula Bahagian Johor Baharu setelah diberikan laluan oleh anggota Parlimen Johor Baharu Khaled Nordin. Khaled kini menjadi timbalan ketua bahagian.

Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah juga akan kembali semula ke Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebagai Ketua Umno Bahagian Gua Musang.

Ini berikutan keputusan Majlis Tertinggi supaya jawatan berkenaan diberikan kepada bekas Presiden Semangat Melayu 46 itu manakala ketua Umno

bahagian sebelum ini Saupi Deraman menjadi timbalan ketua bahagian.

Pemilihan bahagian juga menyaksikan pengunduran pemimpin veteran seperti Datuk Azman Attar yang menarik diri pada saat-saat akhir daripada bertanding jawatan Ketua Umno Bahagian Batu di Wilayah Persekutuan.

Azman yang telah memimpin bahagian itu sejak 12 tahun lepas mengambil keputusan itu untuk memberi laluan kepada timbalannya Datuk Azrat Gull Amirzat Gull sebagai ketua yang baru.

Bekas Menteri Besar Perlis Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh pula terpaksa membatalkan hasrat untuk mengundur diri daripada menerajui Umno Bahagian Kangar kerana mematuhi keputusan parti. MT telah menetapkan bahawa mana-mana anggota MT tidak boleh dicabar pada pemilihan parti.

Bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik pula gagal untuk kembali aktif setelah tewas di Kota Melaka.

Di Kedah pula, anggota Exco kerajaan negeri Ahmad Lebai Sudin melepaskan jawatannya itu untuk bertanding bagi jawatan ketua Umno bahagian Pokok Sena. Beliau menang dengan mengalahkan penyandang jawatan yang juga anggota Exco kerajaan negeri, Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim.

Ahmad terpaksa berbuat demikian berikutan arahan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid yang melarang anggota Exco yang belum ada jawatan menjadi calon ketua bahagian.

Menurut Sabbaruddin, Umno akan mengadakan "post-mortem" mengenai perjalanan mesyuarat-mesyuarat bahagian dalam usaha memperbaiki apa-apa kelemahan.

"Mana-mana pentadbiran mesti buat begini supaya kita dapat perbaiki," katanya dalam wawancara menerusi satu rancangan televisyen. Persidangan perwakilan bahagian parti itu berakhir Ahad lepas setelah bermula pada 12 Mac.

Dalam tempoh berkenaan, Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno mengarahkan beberapa bahagian supaya mengadakan semula mesyuarat kerana beberapa sebab termasuk dalam soal pemilihan jawatan.

"Banyak orang kurang pasti cara sebenarnya untuk menyelesaikan masalah kalau calon-calon ketua atau timbalan ketua mendapat bilangan undi yang sama. Macam mana nak buat," kata beliau.

Bagi mengatasi masalah, ibu pejabat Umno akan terus menggalakkan supaya kursus diadakan bagi mereka yang mentadbir bahagian, katanya.

"Tapi sesetengahnya tidak mahu diadakan kursus kerana mereka menganggap sudah tahu... bukan semua orang fasih dengan perlembagaan, banyak orang kata dia tahu tetapi tak tahu dan ini menimbulkan masalah," katanya.

Sabbaruddin juga menyatakan perlunya bagi Umno memberikan perhatian kepada pemilihan pengerusi tetap -- jawatan yang tidak begitu diminati.

"Walaupun kerjanya setahun sekali iaitu mempengerusikan mesyuarat agung, ia merupakan jawatan yang penting," katanya.

"Saya pun tak faham macam mana nak buat supaya orang mahu menjadi pengerusi tetap," katanya. -- BERNAMA

AZZ NMO